

03/06/2002

MIC bantah syor hapus sekolah jenis kebangsaan

KUALA LUMPUR, Ahad - Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu tidak bersetuju sekiranya sistem pendidikan jenis kebangsaan dihapuskan sepenuhnya kerana ia sudah termaktub dalam sistem pendidikan negara.

Beliau berkata, pelaksanaan Sekolah Wawasan memang dipersetujui kerajaan dan ia langsung tidak membabitkan penghapusan pendidikan aliran jenis kebangsaan.

Beliau meminta Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim tidak mengutarakan perkara itu.

"Saya menyifatkan Suhaimi sengaja mencari populariti dengan mengemukakan isu yang boleh mengeruhkan perpaduan kaum di negara ini. Sudah jelas Sekolah Wawasan bertujuan mewujudkan perpaduan kaum dan diterima pemimpin pelbagai kaum, tetapi ia tidak membabitkan penghapusan sekolah jenis kebangsaan," katanya di sini, hari ini.

Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir yang berkata, pelajar Bumiputera tidak boleh terus mengharap kepada hak keistimewaan orang Melayu dalam bidang pendidikan, sebaliknya harus menerima hakikat bahawa mereka perlu bersaing.

Sebelum itu beberapa pemimpin termasuk DAP dan MIC mendakwa pemilihan pelajar ke IPTA berasaskan sistem merit memberi kelebihan kepada pelajar Bumiputera hingga menyebabkan kemerosotan peratusan kemasukan jumlah pelajar bukan Bumiputera.

(END)